

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG**

**SOALAN : NO. 221**

**YB Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah Institut Pengajian Tinggi (IPT) swasta yang sedang beroperasi di negeri Perak. Apakah rancangan jangka masa pendek Kementerian untuk mengalakkan dan/atau meningkatkan jumlah IPT untuk beroperasi di negeri Perak, jika tiada, kenapa.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2016 sebanyak 31 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) telah didaftarkan di negeri Perak di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Daripada jumlah tersebut, 5 buah IPTS bertaraf Universiti, 2 buah IPTS bertaraf Kolej Universiti dan 24 buah IPTS bertaraf Kolej.

Penubuhan sesebuah IPTS adalah berdasarkan permohonan daripada pihak yang berminat. Lokasi adalah bergantung kepada pemohon dan kebiasaannya IPTS akan terarah untuk ditubuhkan di kawasan yang telah mempunyai infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan yang menyokong kepada ekosistem pendidikan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melanjutkan pelaksanaan moratorium (pembekuan) penubuhan IPTS baharu bagi tempoh dua (2)

tahun sehingga 31 Januari 2017. Dalam tempoh pelaksanaan moratorium ini, penubuhan IPTS baharu hanya akan dipertimbangkan bagi Wilayah Iskandar Malaysia dan Pagoh, Johor.